

DS_1 SP (Pin 1/2017)



IBU PEJABAT
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
MENARA HASIL
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

**SIJIL SETEM**

ASAL

STAMP CERTIFICATE

(Silalahkatkan sijil setem ini ke atas surat cara sebagai bukti penyeteman)
Please attach this stamp certificate to the instrument as evidence of stamping

Cara Bayaran / Payment Method: FPX TRANSACTIONS
No. Adjudikasi / Adjudication No.: G01CB358DEK016
Jenis Surat Cara / Type Of Instrument: PERJANJIAN AM
SURAT CARA UTAMA
Tarikh Surat Cara / Date Of Instrument: 30/08/2022
Balasan / Consideration: RM 0.00

Maklumat Pihak Pertama / Penjual / Pemberi / First Party / Vendor / Transferor / Assignor
KERAJAAN NEGERI SELANGOR, NO SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Maklumat Pihak Kedua / Pembeli / Penerima / Second Party / Purchaser / Transferee / Assignee
BADAN PEGUAM MALAYSIA (MALAYSIAN BAR), NO SYARIKAT BADAN PEGUAM MALAYSIA (MA
Butiran Harta / Suratcara / Property / Instrument Description

LHDN
MALAYSIA

Dengan ini disahkan surat cara ini diselem dan diindors seperti maklumat di bawah:
This is to certify this instrument is stamped and indorsed as below:

No. Bilik Setem / Stamp Certificate No.	911804360470500
Tarikh Penyeteman / Date of Stamping	12/10/2022
Das Setem Dikekalkan / Amount of Stamp Duty	RM 18.00
Pembeli / Buyer	RM 8.00
Penerima / Assignee	RM 4.00
Jumlah Dibayar / Total Paid / RM	RM 30.00
Indorsasi / Indorsation / As At Date 1940	Sekurang 31

Pemungut Das Setem

No. Kelulusan Perbadanan / Treasury Approval No.: K02B001010100-2/10/2022

Tarikh Cetak / Printed Date: 12/10/2022 12:17:40

Pengesahan keabsahan Sijil Setem ini boleh disahkan di stamp.hask.gov.my atau melalui aplikasi talian pintar.
The authenticity of this Stamp Certificate can be verified at stamp.hask.gov.my or by mobile app.
Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu tandatangan.
This is a computer generated printout and no signature is required.



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

ANTARA

KERAJAAN NEGERI SELANGOR

DAN

BADAN PEGUAM MALAYSIA (MALAYSIAN BAR)

MENGENAI

PROGRAM DANA BANTUAN GUAMAN SELANGOR (DBGS)

Memorandum Persefahaman ini diperbuat pada 30 hb Agos 2022

ANTARA

KERAJAAN NEGERI SELANGOR yang bagi tujuan Memorandum Persefahaman ini diwakili oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang beralamat di Seksyen Sektorai, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Tingkat 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz, 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan (selepas ini dirujuk sebagai "KERAJAAN NEGERI") bagi satu pihak;

DAN

BADAN PEGUAM MALAYSIA adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 (Akta 166) dan mempunyai alamat di 2, Leboh Pasar Besar, 50050 Kuala Lumpur ("Malaysian Bar").

Kedua-dua pihak Kerajaan Negeri dan Malaysian Bar boleh dirujuk sebagai "Pihak" atau secara bersama sebagai "Pihak-pihak".

BAHAWASANYA:

- A. Kerajaan Negeri berhaarat untuk mengadakan Program Dana Bantuan Guaman Selangor (selepas ini disebut "Program tersebut"). Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 8 / 2018 yang diadakan pada 14 Mac 2018 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 26 / 2021 pada 28 Julai 2021 telah menimbang dan meluluskan Program tersebut.
- B. Majlis Peguam yang menjalankan tanggungjawab seperti diperuntukkan di dalam Akta Profession Guaman 1976 untuk Malaysian Bar telah memutuskan bagi tujuan Program tersebut untuk memberi mandat dan tanggungjawab kepada Jawatankuasa Peguam Selangor (Selangor Bar Committee) untuk mengendalikan Program tersebut bagi pihak Malaysian Bar.
- C. JAWATANKUASA PEGUAM SELANGOR (SELANGOR BAR COMMITTEE) untuk tujuan Program tersebut berperanan untuk mengendalikan Program tersebut, di mana terma-terma di dalam Memorandum Persefahaman ini dapat dilaksanakan.

MALAYSIAN BAR
BAR MALAYSIA
Wisma Badan Peguam Malaysia
2, Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-2060 2057
Foon +603-2060 2019
Email: council@malaysianbar.com.my



- D. KERAJAAN NEGERI dan MALAYSIAN BAR bersama-sama SELANGOR BAR COMMITTEE bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang Program tersebut; dan
- E. Pihak-pihak berhasrat untuk memasuki Memorandum Persefahaman ini bagi menyatakan niat masing-masing, memahami peranan masing-masing dan mengadakan suatu asas kerjasama antara pihak-pihak berdasarkan kepada terma-terma yang terkandung di dalam Memorandum Persefahaman ini.
- F. Jawatankuasa Induk adalah seperti yang dinyatakan dalam Lampiran A yang dilampirkan bersama dengan Memorandum Persefahaman ini.

PIHAK-PIHAK TELAH MENCAPAI PERSEFAHAMAN BERIKUT:


ARTIKEL I
OBJEKTIF

Program tersebut merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor dalam membantu golongan kurang berkemampuan yang ditindas dan teraniaya untuk mendapatkan bantuan guaman, agar keadilan dapat terbela.

ARTIKEL II
PELAKSANAAN

1. Melalui Program tersebut, perkara-perkara yang terlibat bagi menerima bantuan guaman adalah:
 - i. Berkaitan kekeluargaan
Bagi golongan yang kurang berkemampuan yang melibatkan pemfalan petisyen pencerahan ataupun permohonan untuk relif-relif lain yang berkaitan terutamanya isteri, yang dikasari dan didera.
 - ii. Pekerjaan
Bagi mereka yang kurang berkemampuan yang kehilangan pekerjaan, khususnya diberhentikan perkhidmatan tanpa mematuhi kontrak perkhidmatan atau berlaku pelanggaran kontrak perkhidmatan oleh pihak majikan atau diberhentikan pekerjaan tanpa alasan dan sebab yang munasabah (*"without just cause and excuse"*).

MALAYSIAN BAR
BAR MALAYSIA
Wilma Badan Peguam Malaysia
2 Laboh Pasir Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-2050 2050
Fax: +603-2050 2019
Email: touid@malaysianbar.com.my




2. Jawatankuasa Induk yang ditubuhkan seperti dinyatakan di dalam Memorandum Persefahaman ini antara lain berfungsi dalam menilai, menambahkan menentukan skop penerimaan kes-kes bagi Program tersebut dan tidak tertakluk hanya pada perenggan 1 di bawah Artikel II Pelaksanaan di dalam Memorandum Persefahaman ini
3. Kriteria penerima manfaat dana ini adalah seperti berikut:
 - i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Pengundi di Negeri Selangor dan/atau Pemastautin Negeri Selangor untuk sekurang-kurangnya 10 tahun; dan
 - iii. Berpendapatan bulanan kurang daripada RM 3,000.00.
4. Penerima dana yang berkelayakan akan menerima perkhidmatan guaman secara pemberian subsidi oleh Kerajaan Negeri dalam bentuk pembiayaan kes-kes guaman sebanyak RM1,500.00 bagi tuntutan individu dan sebanyak RM2,000.00 bagi tuntutan berkumpulan.

ARTIKEL III **TANGGUNGJAWAB KERAJAAN NEGERI**

1. KERAJAAN NEGERI akan melaksanakan perkara berikut:
 - i. Menyediakan borang permohonan dan mengedarkan borang tersebut di Pusat-Pusat Khidmat Dewan Negeri atau melalui perantara lain secara elektronik;
 - ii. Membuat semakan terhadap dokumen sokongan pembayaran perkhidmatan sebelum penyaluran peruntukan kepada SELANGOR BAR COMMITTEE;
 - iii. Menerima laporan bulanan bagi pelaksanaan khidmat guaman daripada SELANGOR BAR COMMITTEE;
 - iv. Menyalurkan peruntukan berdasarkan permohonan atau keperluan yang akan dipertimbang dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk;
 - v. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Induk secara berkala atau mengikut keperluan, yang mempunyai keanggotaan seperti di Lampiran A; dan
 - vi. Lain-lain perkara yang berkaitan dengan Program tersebut.

MALAYSIAN BAR
BAR MALAYSIA
Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Lorong Pesisir Bharu
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-2050 2050
Fax: +603-2050 2019
Email: council@malaysianbar.com.my



ARTIKEL IV
TANGGUNGJAWAB SELANGOR BAR COMMITTEE

2. SELANGOR BAR COMMITTEE akan melaksanakan perkara berikut:
- i. Mengendalikan Program tersebut dengan sewajarnya;
 - ii. Memproses dan menilai permohonan yang memenuhi kelayakan seperti di Artikel II;
 - iii. Mengemukakan laporan bulanan berkenaan pelaksanaan khidmat guaman kepada KERAJAAN NEGERI;
 - iv. Mengemukakan dokumen permohonan pembayaran Dana Bantuan Guaman Selangor seperti dipersetujui dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa Induk bagi tujuan tuntutan dan permohonan penyaluran peruntukan kepada KERAJAAN NEGERI;
 - v. Memaklumkan dan memohon pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Induk bagi perkara/ kes selain dinyatakan di Artikel II; dan
 - vi. Lain-lain perkara yang dimohon oleh KERAJAAN NEGERI yang berkaitan Program tersebut, dengan persetujuan bersama SELANGOR BAR COMMITTEE.

ARTIKEL V
KESAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

Memorandum Persefahaman ini hanyalah bertujuan untuk merekodkan niat pihak-pihak dan tidak menjadikannya, atau dihasratkan untuk menjadikannya, suatu tanggungjawab di bawah undang-undang dan tidak akan menyebabkan apa-apa proses perundangan timbul daripadanya dan tidak boleh dianggap sama ada secara tersurat atau tersirat sebagai menjadikan apa-apa tanggungjawab sebagai mengikat atau boleh dikuat kuasakan.

ARTIKEL VI
TIADA AGENSI

Tiada apa-apa yang terkandung di dalam Memorandum Persefahaman ini boleh ditafsirkan sebagai suatu usahasama, rakan kongsi, suatu urusan

**MALAYSIAN BAR
BAR MALAYSIA**
Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Laboon Pagar Besar
60060 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-2050 2050
Fax: +603-2050 2019
Email: conund@malaysianbar.com.my



perniagaan atau urusan formal antara Pihak-pihak atau sebagai menjadikan suatu Pihak sebagai ejen kepada Pihak yang satu lagi.

ARTIKEL VII
KUATKUASA, TEMPOH DAN PENAMATAN

1. Memorandum Persefahaman ini berlanjutan sehingga tempoh tiga (3) tahun dari tarikh lanya ditandatangani.
2. Memorandum Persefahaman ini boleh dilanjutkan bagi suatu tempoh yang lain dan hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh Pihak-pihak.
3. Walau apapun yang diperuntukkan di dalam Memorandum Persefahaman ini, salah satu Pihak boleh mengakhiri Memorandum Persefahaman ini dengan memberitahu Pihak yang satu lagi berkenaan niat untuk mengakhiri Memorandum Persefahaman ini.

ARTIKEL VIII
NOTIS

Apa-apa komunikasi di bawah Memorandum Persefahaman ini hendaklah dibuat secara bertulis dalam Bahasa Kebangsaan atau Inggeris dan dihantar secara surat berdaftar, atau secara elektronik ke alamat atau alamat mel elektronik atau nombor faksimili KERAJAAN NEGERI, MALAYSIAN BAR dan SELANGOR BAR COMMITTEE mengikut mana yang berkenaan, yang dinyatakan di bawah atau di mana-mana alamat atau alamat mel elektronik atau nombor faksimili lain seperti diberitahukan oleh satu pihak kepada pihak yang satu lagi dan dianggap telah sempurna penyampaiannya sekiranya dihantar ke alamat atau alamat mel elektronik, atau alamat mel elektronik atau nombor faksimili itu;

Kepada KERAJAAN NEGERI:

Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Tingkat 5,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Faksimili: 03-55447963

E-mel: ishak@selangor.gov.my

(u.p: Unit Kebajikan Masyarakat)

MALAYSIAN BAR
BAR MALAYSIA
Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Laboh Pagar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-2050 2050
Fax: +603-2050 2019



Kepada MALAYSIAN BAR

Wisma Badan Peguam Malaysia, 2 Leboh Pasar Besar, 50050 Kuala Lumpur, Malaysia

Faksimili: 03-2050 2019

E-mel: ceo@malaysianbar.org.my

(u.p: Presiden)

Kepada SELANGOR BAR COMMITTEE:

No. 37, Jalan Bola Jaring 13/15, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Faksimili: 03-55199037

E-mel: secretariat@agorbar.org

(u.p: Pengerusi)

ARTIKEL IX **KERAHSIAAN**

1. Maklumat-maklumat mengenai Memorandum Persefahaman ini hendaklah dianggap sulit dan tidaklah boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau bahantara lain yang berbentuk iklan tanpa mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada KERAJAAN NEGERI.
2. Bagi tujuan perenggan 1 di atas, dokumen, maklumat dan data sedemikian termasuklah apa-apa dokumen, maklumat dan data yang didedahkan oleh satu Pihak (Pihak yang mendedahkan) kepada Pihak yang satu lagi (Pihak yang menerima) sebelum atau selepas kuat kuasa. Memorandum Persefahaman ini, yang melibatkan perkara teknikal, perniagaan, pemasaran, dasar, tahu-bagaimana, kerahsiaan, perancangan, pengurusan projek dan dokumen, maklumat, data dan/ atau penyelesaian lain dalam apa-apa bentuk, termasuk tapi tidak terhad kepada apa-apa dokumen, maklumat atau data yang dinyatakan secara bertulis sebagai "SULIT", atau kerana sifatnya, dihasratkan hanya untuk pengetahuan pihak yang menerima, atau sekiranya diberikan secara lisan, diberi dalam keadaan rahsia.
3. Kedua-dua Pihak bersetuju bahawa peruntukan Artikel ini akan berterusan mengikat Pihak-Pihak, walaupun Memorandum Persefahaman ini telah tamat.

MALAYSIAN BAR
BAR MALAYSIA
Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-2050 2050
Fax: +603-2050 2019
Email: conch@malaysianbar.com.my



ARTIKEL X
PINDAAN

Tiada ubah suai, pindaan atau pengenehan mana-mana peruntukan dalam Memorandum Persefahaman ini boleh dianggap bersefahaman melainkan ia dibuat secara persetujuan bersama dan secara bertulis yang khusus merujuk kepada Memorandum Persefahaman ini dan ditandatangani oleh Pihak-Pihak.

ARTIKEL XI
PENYELESAIAN PERTELINGKAHAN

Apa-apa perbezaan atau pertelingkahan antara pihak-pihak mengenai tafsiran dan/ atau pelaksanaan dan/ atau penukaran apa-apa peruntukan Memorandum Persefahaman ini hendaklah diselesaikan secara baik melalui perbincangan dan perundingan antara pihak-pihak tanpa merujukannya kepada pihak ketiga yang lain.

ARTIKEL XII
PENANGGUHAN

Setiap pihak memelihara hak, atas sebab keselamatan nasional, kepentingan nasional, atau ketenteraman awam untuk menangguhkan sementara, sama ada keseluruhan atau sebahagian pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini yang mana penangguhan itu hendaklah berkuat kuasa serta merta apabila pihak yang satu lagi diberitahu secara bertulis mengensinya.

(Lebih Ruang Dalam Mukasurat Ini Sengaja Ditinggalkan Kosong)

MALYSIAN BAR
BAR MALAYSIA
Wisma Aidan Peguam Malaysia
2 Lobi, Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-2050 2050
Fax: +603-2050 2018
Email: council@malaysianbar.com.my



SEBAGAI MENYAKSIKAN PERKARA-PERKARA DI ATAS kedua-dua pihak kepada Memorandum Persefahaman ini bersetuju dan menurunkan tandatangan masing-masing pada tarikh yang tertera di bawah.

Ditandatangani oleh dan bagi pihak:

KERAJAAN NEGERI SELANGOR



 Nama: DAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
 Jawatan: D.A.M.S.
 No. KP: DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
 Tarikh: 000208-01-0000

Di hadapan:


 VAL TIOI BIN YUSOFF
 Nama: VAL TIOI BIN YUSOFF
 Jawatan: KERAJAAN PERKAT, POKERIA &
 No. KP: KERAJAAN PERKAT
 Tarikh: 000208-01-0000

Ditandatangani oleh dan bagi pihak:

BADAN PEGUAM MALAYSIA


 Nama: KAREN CHEAM YEE LYNN
 Jawatan: PRESIDENT
 No. KP: 681023-10-5654
 Tarikh: 29 August 2022

Di hadapan SELANGOR BAR COMMITTEE yang diwakili oleh :


 Nama: KOKILA VAANI VADIVELOO
 Jawatan: CHAIRMAN
 No. KP: SELANGOR BAR COMMITTEE
 Tarikh: No.37, 39 & 41, Jalan Bola Jaring
 13/15, Seksyen 13, 40100 Shah Alam,
 Selangor Darul Ehsan